

**Kertas Perintah 11 Tahun 2011**

**MALAYSIA**

---

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

**ANGGARAN HASIL  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
TAHUN 2012**

**KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA**



**KANDUNGAN**  
*CONTENTS*

**MUKA  
SURAT**  
*PAGE*

<b>Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2012 .....</b>	<b>1</b>
Penjenisan Hasil.....	1
Semakan Semula Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2011.....	2
Hasil Cukai .....	3
Cukai Langsung.....	3
Cukai Tidak Langsung.....	4
Hasil Bukan Cukai.....	6
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	6
Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2012 .....	7
Hasil Cukai .....	7
Cukai Langsung.....	7
Cukai Tidak Langsung.....	8
Hasil Bukan Cukai.....	10
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	11
Lampiran A1-A3	12
<b>Treasury Memorandum On The Federal Government's Revenue Estimates For The Year 2012 .....</b>	<b>21</b>
Classification Of Revenue.....	21
Review Of Federal Government's Revenue For The Year 2011.....	22
Tax Revenue.....	23
Direct Taxes.....	23
Indirect Taxes .....	24
Non-Tax Revenue.....	26
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	26
Estimates Of Federal Government's Revenue For 2012 .....	27
Tax Revenue.....	27
Direct Taxes.....	27
Indirect Taxes .....	28
Non-Tax Revenue.....	30
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	31
Appendix A1-A3	32
<b>Pro-forma Lembaran Imbangan Seperti Pada 31 Disember 2011</b> <i>Pro-forma Balance Sheet As At 31 December 2011 .....</i>	<b>41</b>
<b>Ringkasan Anggaran Hasil Malaysia Bagi Tahun 2012</b> <i>Abstract Of The Estimates Revenue Of Malaysia For The Year 2012 .....</i>	<b>45</b>
<b>Butir-Butir Anggaran Hasil Tahun 2012</b> <i>Details Of Estimated Revenue For The Year 2012 .....</i>	<b>47</b>
<b>Jumlah Hasil Selepas Langkah-Langkah Percukaian</b> <i>Total Revenue After Tax Measures.....</i>	<b>135</b>



**MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN  
HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012**

1. Memorandum ini menerangkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2012 dan semakan hasil bagi tahun 2011. Memorandum ini disediakan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan.
2. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2012 dianggarkan berjumlah **RM186,906** juta. Jumlah ini belum mengambil kira pengurangan hasil daripada langkah percukaian dalam Belanjawan 2012 yang dianggarkan sebanyak **RM1,048** juta. Butiran lanjut anggaran hasil bagi tahun 2012, anggaran asal dan disemak bagi tahun 2011 dan pungutan sebenar tahun 2010 masing-masing adalah seperti di **Lampiran A1 hingga A3**.

**PENJENISAN HASIL**

3. Hasil Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada 4 kategori umum iaitu **Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil** dan **Hasil Daripada Wilayah Persekutuan**.
4. *Hasil Cukai* dikelaskan kepada Hasil Cukai Langsung dan Hasil Cukai Tidak Langsung. *Hasil Cukai Langsung* termasuklah hasil daripada:
  - a. cukai pendapatan (individu, syarikat, petroleum, pegangan dan koperasi);
  - b. duti setem;
  - c. cukai keuntungan harta tanah; dan
  - d. cukai aktiviti perniagaan Labuan.

*Hasil Cukai Tidak Langsung* pula termasuk hasil daripada duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi.

5. *Hasil Bukan Cukai* terdiri daripada:
  - a. lesen dan permit (merangkumi semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian hak kepada individu, perbadanan, perniagaan termasuk royalti daripada petroleum dan lain-lain perusahaan bagi tujuan kawalan atau peraturan dan lesen kenderaan bermotor);
  - b. bayaran perkhidmatan (merangkumi terimaan bagi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada orang awam);
  - c. perolehan daripada jualan barang (merangkumi terimaan daripada jualan harta benda fizikal yang dimiliki oleh Kerajaan termasuk tanah, bangunan, peralatan pejabat, stor dan jualan barang pelbagai jenis untuk orang awam);
  - d. sewaan (merangkumi sewa tanah, sewa bangunan, sewa kenderaan dan sewa jentera);
  - e. faedah dan perolehan daripada pelaburan (merangkumi faedah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan, faedah bank, dividen yang diperolehi daripada bon atau saham dan perolehan daripada jualan pelaburan);
  - f. denda dan penalti; dan
  - g. sumbangan dan bayaran ganti rugi/pampasan daripada dalam dan luar negara.
6. *Terimaan Bukan Hasil* termasuk:
  - a. pulang balik perbelanjaan (merangkumi terimaan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan daripada tahun lepas, pulang balik gaji kerana perletakan jawatan dan pulang balik perbelanjaan latihan);
  - b. kredit antara jabatan (merangkumi pindahan dana di antara Kementerian atau Jabatan bagi perkhidmatan yang diberi di antara agensi Kerajaan);
  - c. pulang balik bagi bayaran berlebihan atau kekhilafan bayaran dalam tahun fiskal yang lalu;
  - d. bayaran balik seperti bayaran balik ke atas sumbangan Kerajaan di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
  - e. sumbangan daripada jabatan Kerajaan, badan berkanun atau syarikat milik Kerajaan.

7. Hasil daripada Wilayah Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai termasuk penerimaan daripada lesen dan permit, premium, cukai tanah, jualan aset, sewaan, bayaran perkhidmatan dan duti hiburan.

#### SEMAKAN SEMULA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2011

8. Hasil Kerajaan Persekutuan disemak bagi tahun 2011 dijangka bertambah sebanyak RM17,453 juta atau 11% kepada RM183,375 juta berbanding anggaran asal 2011 yang berjumlah RM165,922 juta. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan anggaran hasil cukai, hasil bukan cukai dan hasil daripada Wilayah Persekutuan yang masing-masing sebanyak RM13,584 juta, RM3,803 juta dan RM71 juta serta penurunan terimaan bukan hasil dijangka sebanyak RM5 juta. Jumlah hasil disemak tahun 2011 dijangka meningkat sebanyak RM23,722 juta atau 15% kepada RM183,375 juta dibandingkan dengan kutipan sebenar tahun 2010 sebanyak RM159,653 juta. Peningkatan ini merangkumi hasil cukai, hasil bukan cukai dan hasil daripada Wilayah Persekutuan masing-masing sebanyak RM19,666 juta, RM4,274 juta dan RM25 juta. Manakala, kutipan terimaan bukan hasil dijangka berkurangan sebanyak RM243 juta. Hasil cukai bagi tahun 2011 dijangka menyumbang sebanyak 71% kepada jumlah hasil sementara hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan sebanyak 29%. Penyumbang utama peningkatan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011 adalah dijangka daripada cukai pendapatan serta faedah dan perolehan daripada pelaburan iaitu:

- a. cukai pendapatan syarikat dijangka meningkat sebanyak RM7,760 juta;
- b. cukai pendapatan petroleum dijangka meningkat sebanyak RM4,207 juta;
- c. penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan tahun 2009 sebanyak RM4,200 juta; dan
- d. dividen daripada Khazanah Nasional Berhad dijangka meningkat sebanyak RM200 juta.

9. Anggaran hasil disemak ini dipengaruhi oleh unjuran pertumbuhan ekonomi negara dan beberapa andaian berikut :

- a. unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 5.2% dalam tahun 2011 berbanding unjuran pertumbuhan asal pada kadar 5.5% dalam Belanjawan 2011;
- b. unjuran purata harga minyak mentah (Tapis) sebanyak USD108.00 setong dalam tahun 2011 berbanding anggaran asal sebanyak USD85.00 setong; dan
- c. pengukuhan Ringgit Malaysia kepada anggaran RM3.00 bagi setiap dolar AS dalam tahun 2011 berbanding unjuran asal sebanyak RM3.29 bagi setiap dolar AS.

10. Ringkasan anggaran disemak berbanding anggaran asal tahun 2011 bagi hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**

#### Ringkasan Hasil Utama

Klasifikasi Hasil	2011 Anggaran Asal	2011 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	115,598	129,182	13,584	12
Hasil Bukan Cukai	49,338	53,141	3,803	8
Terimaan Bukan Hasil	555	550	(5)	(1)
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	431	502	71	16
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>165,922</b>	<b>183,375</b>	<b>17,453</b>	<b>11</b>

## Cukai Langsung

11. Anggaran hasil cukai langsung disemak bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 2**. *Cukai langsung* dijangka menyumbang sejumlah RM96,457 juta iaitu 75% daripada jumlah hasil cukai atau 53% daripada jumlah hasil keseluruhan.

**Jadual 2**

### Hasil Cukai Langsung

Klasifikasi Hasil	2011 Anggaran Asal	2011 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>CUKAI PENDAPATAN</b>	<b>79,381</b>	<b>91,374</b>	<b>11,993</b>	<b>15</b>
Individu	19,530	19,696	166	1
Syarikat	36,210	43,970	7,760	21
Petroleum	21,786	25,993	4,207	19
Pegangan	1,385	1,403	18	1
Koperasi	454	290	(164)	(36)
Lain-lain	16	22	6	38
<b>LAIN-LAIN CUKAI LANGSUNG</b>	<b>4,168</b>	<b>5,083</b>	<b>915</b>	<b>22</b>
Duit Setem	4,087	4,637	550	13
Lain-lain	81	446	365	451
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	<b>83,549</b>	<b>96,457</b>	<b>12,908</b>	<b>15</b>

12. Bagi tahun 2011, anggaran hasil disemak ke atas *cukai pendapatan* dijangka mencapai RM91,374 juta, iaitu 15% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM79,381 juta dan 23% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM74,451 juta. Cukai pendapatan dijangka menyumbang 71% kepada hasil cukai yang mana komponen utama adalah cukai pendapatan syarikat sebanyak 34%, cukai pendapatan petroleum sebanyak 20% dan cukai pendapatan individu sebanyak 15%.

13. Anggaran hasil disemak bagi *cukai pendapatan syarikat* dijangka sebanyak RM43,970 juta iaitu 21% lebih tinggi daripada anggaran asal 2011 yang berjumlah RM36,210 juta dan 21% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM36,266 juta. Pertambahan ini selepas mengambilkira faktor berikut :

- jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.2% bagi tahun 2011;
- syarikat membuat anggaran bayaran ansuran cukai bulanan yang lebih tinggi berbanding tahun 2010; dan
- peruntukan bayaran balik cukai menurun kepada RM7,000 juta berbanding RM7,500 juta pada tahun 2010.

14. *Cukai pendapatan individu* pula dijangka meningkat sebanyak 1% kepada RM19,696 juta berbanding anggaran asal tahun 2011 yang berjumlah RM19,530 juta dan 11% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM17,805 juta. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kenaikan hasil daripada cukai pendapatan individu adalah seperti berikut:

- pengemaskinian potongan di bawah Potongan Cukai Berjadual (PCB) oleh majikan;
- pematuhan yang tinggi oleh pembayar cukai kesan daripada peningkatan kesedaran pembayar cukai dan aktiviti audit; dan
- penyiasatan yang lebih terperinci oleh pihak berkuasa cukai.

15. Hasil daripada *cukai pendapatan petroleum* yang mula dikenakan cukai berdasarkan sistem taksiran tahun semasa bagi tahun 2010 dijangka meningkat 19% kepada RM25,993 juta dalam tahun 2011 berbanding anggaran asal sebanyak RM21,786 juta dan 39% lebih tinggi berbanding pungutan sebenar sebanyak RM18,713 juta dalam tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan oleh faktor berikut:

- a. anggaran purata harga minyak mentah (Tapis) adalah sebanyak USD108.00 setong berbanding USD83.84 setong pada tahun 2010;
- b. syarikat membuat semakan anggaran bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi berbanding tahun 2010; dan
- c. cukai pendapatan petroleum bagi tahun taksiran 2010 berdasarkan sistem taksiran tahun sebelumnya dibenarkan bayaran ansuran selama 60 bulan.

### Lain-lain Cukai Langsung

16. Hasil *lain-lain cukai langsung* yang terdiri daripada duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan lain-lain cukai dijangka meningkat kepada RM5,083 juta bagi tahun 2011. Jumlah tersebut adalah 22% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM4,168 juta dan 12% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2010 berjumlah RM4,558 juta. Peningkatan ini berpunca daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam tahun 2011 yang memberi kesan positif ke atas sektor hartanah, pasaran saham dan sektor insurans.

### Cukai Tidak Langsung

17. Anggaran hasil disemak bagi *cukai tidak langsung* bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 3**. Cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM32,725 juta, iaitu 25% daripada jumlah hasil cukai dan 18% daripada jumlah hasil keseluruhan.

**Jadual 3**

#### Hasil Cukai Tidak Langsung

Klasifikasi Hasil	2011 Anggaran Asal	2011 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	2,195	2,038	(157)	(7)
Duti Import	1,916	1,976	60	3
Duti Eksais	12,014	11,783	(231)	(2)
Cukai Jualan	8,388	8,605	217	3
Cukai Perkhidmatan	4,884	4,968	84	2
Levi	148	803	655	443
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	2,504	2,552	48	2
<b>CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>32,049</b>	<b>32,725</b>	<b>676</b>	<b>2</b>

### Duti Eksport

18. Bagi tahun 2011, hasil disemak *duti eksport* dijangka berjumlah RM2,038 juta, iaitu 7% lebih rendah daripada anggaran asal bagi tahun 2011 yang berjumlah RM2,195 juta tetapi 13% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM1,810 juta. Hasil disemak duti eksport minyak mentah dijangka menurun 8% kepada RM1,975 juta berbanding anggaran asal bagi tahun 2011 yang berjumlah RM2,136 juta tetapi 13% lebih tinggi daripada pungutan sebenar berjumlah RM1,745 juta dalam tahun 2010. Peningkatan ini disebabkan oleh anggaran purata harga minyak mentah (Tapis) yang tinggi pada tahun 2011 iaitu sebanyak USD108.00 setong berbanding USD83.84 setong pada tahun 2010.



## **Duti Import dan Duti Eksais**

19. Hasil disemak *duti import* bagi tahun 2011 dijangka berjumlah RM1,976 juta, iaitu 3% lebih tinggi berbanding anggaran asal 2011 yang berjumlah RM1,916 juta dan 1% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM1,966 juta. Hasil *duti eksais* untuk tahun 2011 dijangka menurun sebanyak 2% kepada RM11,783 juta berbanding anggaran asal yang berjumlah RM12,014 juta tetapi lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM11,770 juta. Penurunan anggaran disemak ke atas duti eksais berbanding anggaran asal tahun 2011 adalah dipengaruhi oleh penurunan permintaan untuk kenderaan bermotor bukan hibrid. Permintaan telah menurun sebanyak 1.3% bagi tempoh Januari hingga Ogos 2011 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2010.

20. Hasil daripada duti import ke atas *kenderaan CKD dan CBU* dijangka meningkat 18% kepada RM650 juta berbanding anggaran asal 2011 berjumlah RM550 juta dan 12% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM582 juta. Hasil duti eksais ke atas kenderaan bermotor dijangka menurun 23% kepada RM4,010 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM5,232 juta dan 19% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM4,958 juta. Kutipan duti eksais ke atas kenderaan penumpang dijangka menurun disebabkan pengecualian duti eksais 100% ke atas kenderaan hibrid di mana telah menyebabkan peningkatan jualan kereta hibrid sebanyak 3,659 unit daripada Januari hingga Julai 2011 berbanding tahun 2010.

21. Hasil disemak duti import ke atas minuman keras dan malt dijangka tidak berubah berbanding dengan anggaran asal 2011 sebanyak RM67 juta tetapi 3% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM65 juta. Manakala hasil daripada duti eksais ke atas barangan yang sama dianggarkan berjumlah RM1,291 juta, iaitu 1% lebih tinggi daripada anggaran asal 2011 yang berjumlah RM1,273 juta tetapi 6% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM1,369 juta.

22. Hasil duti import ke atas tembakau, rokok dan cerut pula dijangka berkurangan sebanyak 42% daripada anggaran asal yang berjumlah RM48 juta kepada RM28 juta pada tahun 2011 dan 24% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM37 juta. Walau bagaimanapun, hasil disemak tahun 2011 bagi duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka berjumlah RM3,128 juta, iaitu 7% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM2,930 juta. Berikutan peningkatan kadar duti eksais ke atas rokok sebanyak 3 sen sebatang pada 1 Oktober 2010, hasil daripada rokok import dijangka berkurangan sebanyak 24% manakala hasil daripada rokok tempatan dijangka meningkat sebanyak 7% berbanding kutipan tahun 2010.

## **Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan**

23. Anggaran hasil *cukai jualan* disemak dijangka meningkat kepada RM8,605 juta, iaitu 3% lebih tinggi daripada anggaran asal 2011 berjumlah RM8,388 juta dan 5% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM8,171 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kutipan cukai jualan ke atas kenderaan bermotor. Kutipan cukai jualan ke atas kenderaan bermotor dijangka menyumbang sebanyak 36% kepada keseluruhan kutipan cukai jualan.

24. Hasil disemak *cukai perkhidmatan* dijangka meningkat kepada RM4,968 juta, iaitu 2% lebih tinggi dari anggaran asal 2011 berjumlah RM4,884 juta dan 27% lebih tinggi berbanding kutipan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM3,926 juta. Peningkatan dalam anggaran disemak bagi cukai perkhidmatan berbanding kutipan sebenar tahun 2010 adalah disebabkan oleh peningkatan kadar cukai perkhidmatan daripada 5% kepada 6% dan kutipan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan televisyen berbayar.

## **Levi**

25. Hasil disemak *levi* dijangka meningkat 443% kepada RM803 juta berbanding anggaran asal 2011 berjumlah RM148 juta dan 83% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM440 juta. Peningkatan dalam anggaran disemak bagi levi berbanding kutipan sebenar tahun 2010 adalah disebabkan oleh jangkaan purata harga minyak sawit mentah (CPO) yang lebih tinggi iaitu RM3,200 se tan pada tahun 2011 berbanding RM2,701 se tan pada tahun 2010.

### Lain-lain Cukai Tidak Langsung

26. Hasil dari *lain-lain cukai tidak langsung* bagi tahun 2011 dijangka berjumlah RM2,552 juta, iaitu peningkatan sebanyak 2% daripada anggaran asal 2011 dan 5% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM2,424 juta.

### Hasil Bukan Cukai

27. Anggaran *hasil bukan cukai* bagi tahun 2011 adalah seperti di **Jadual 4**. *Hasil bukan cukai* dijangka menyumbang sebanyak RM53,141 juta iaitu 29% daripada jumlah hasil keseluruhan pada tahun 2011. Jumlah ini adalah 8% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM49,338 juta dan 9% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM48,867 juta. Peningkatan anggaran hasil bukan cukai ini disebabkan oleh hasil disemak bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* yang dijangka meningkat kepada RM37,832 juta, iaitu 14% lebih tinggi daripada anggaran asal 2011 berjumlah RM33,174 juta dan 9% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM34,576 juta. Antara hasil bagi faedah dan perolehan daripada pelaburan yang dijangka diterima dalam tahun 2011 adalah seperti berikut:

- a. dividen daripada PETRONAS kekal sebanyak RM30,000 juta;
- b. pensekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan tahun 2009 sebanyak RM4,200 juta;
- c. dividen daripada Bank Negara Malaysia sebanyak RM2,000 juta; dan
- d. dividen daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM500 juta.

**Jadual 4**

#### Hasil Bukan Cukai

Klasifikasi Hasil	2011 Anggaran Asal	2011 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	10,012	11,137	1,125	11
Bayaran Perkhidmatan	1,245	1,182	(63)	(5)
Perolehan dari Jualan Barang	2,504	112	(2,392)	(96)
Sewaan	201	208	7	3
Faedah & Perolehan Pelaburan	33,174	37,832	4,658	14
Denda dan Penalti	920	1,369	449	49
Lain-lain	1,282	1,301	19	1
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>49,338</b>	<b>53,141</b>	<b>3,803</b>	<b>8</b>

### Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

28. Hasil disemak 2011 bagi *terimaan bukan hasil* dijangka berjumlah RM550 juta, iaitu 1% lebih rendah daripada anggaran asal berjumlah RM555 juta dan 31% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM793 juta. Penurunan anggaran hasil disemak bagi terimaan bukan hasil bagi tahun 2011 berbanding kutipan sebenar tahun 2010 adalah kerana tiada hasil dijangka diterima daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. *Hasil daripada Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM502 juta, iaitu 16% lebih tinggi berbanding dengan anggaran asal 2011 yang berjumlah RM431 juta dan 5% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2010 yang berjumlah RM477 juta.

## ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012

29. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2012, sebelum mengambil kira perubahan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan 2012, dianggarkan berjumlah RM186,906 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM183,375 juta. Peningkatan anggaran hasil ini disebabkan oleh faktor berikut:

- a. jangkaan pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 5.0% - 6.0% dalam tahun 2012;
- b. jangkaan purata harga minyak mentah (Tapis) yang lebih tinggi iaitu USD110.00 setong berbanding USD108.00 setong dalam tahun 2011; dan
- c. dividen daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM2,800 juta.

30. Bagi tahun 2012, *hasil cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM102,099 juta atau 55% daripada jumlah keseluruhan hasil manakala *hasil cukai tidak langsung* pula dijangka berjumlah RM33,519 juta atau 18% daripada jumlah keseluruhan hasil. Ini bermakna hasil cukai adalah dijangka menyumbang sebanyak RM135,618 juta atau 72% daripada hasil Kerajaan Persekutuan. Sumbangan *hasil bukan cukai* dianggarkan berjumlah RM50,227 juta atau 27% daripada keseluruhan hasil manakala bakinya yang berjumlah RM1,061 juta atau 1% merupakan *terimaan bukan hasil* dan *hasil daripada Wilayah Persekutuan*. Ringkasan komponen utama hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 5**. Perbandingan anggaran hasil tahun 2012 dengan anggaran disemak 2011 adalah seperti di **Lampiran A3**.

**Jadual 5**

### Ringkasan Komponen Utama Hasil

Klasifikasi Hasil	2011 Anggaran Disemak	2012 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	129,182	135,618	6,436	5
Hasil Bukan Cukai	53,141	50,227	(2,914)	(5)
Terimaan Bukan Hasil	550	554	4	1
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	502	507	5	1
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>183,375</b>	<b>186,906</b>	<b>3,531</b>	<b>2</b>

### Cukai Langsung

31. Anggaran hasil *cukai langsung* bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 6**. *Hasil cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM102,099 juta iaitu 75% daripada jumlah hasil cukai atau 55% daripada jumlah hasil keseluruhan.

## Jadual 6

### Hasil Cukai Langsung

Klasifikasi Hasil	2011 Anggaran Disemak	2012 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>CUKAI PENDAPATAN</b>	<b>91,374</b>	<b>96,799</b>	<b>5,425</b>	<b>6</b>
Individu	19,696	21,347	1,651	8
Syarikat	43,970	47,470	3,500	8
Petroleum	25,993	26,182	189	1
Pegangan	1,403	1,461	58	4
Koperasi	290	314	24	8
Lain-lain	22	25	3	14
<b>LAIN-LAIN CUKAILANGSUNG</b>	<b>5,083</b>	<b>5,300</b>	<b>217</b>	<b>4</b>
Duti Setem	4,637	4,832	195	4
Lain-lain	446	468	22	5
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	<b>96,457</b>	<b>102,099</b>	<b>5,642</b>	<b>6</b>

32. Anggaran *cukai pendapatan* bagi tahun 2012 dijangka berjumlah RM96,799 juta, iaitu 6% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 berjumlah RM91,374 juta. Peningkatan ini adalah berikutan jangkakan kutipan semua komponen cukai langsung yang lebih tinggi pada tahun 2012.

33. Anggaran *cukai pendapatan syarikat* bagi tahun 2012 dijangka berjumlah RM47,470 juta, iaitu 8% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM43,970 juta selepas mengambilkira peruntukan bayaran balik cukai sebanyak RM7,000 juta bagi tahun 2012. *Cukai pendapatan individu* dianggarkan meningkat kepada RM21,347 juta atau 8% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2011 yang berjumlah RM19,696 juta. Ini adalah berdasarkan jangkakan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.0% - 6.0% dalam tahun 2012. Di samping itu, kutipan cukai pendapatan individu dan syarikat dijangka meningkat disebabkan pelaksanaan *Public Finance Reform (PFR)* iaitu salah satu inisiatif di bawah *Strategic Reform Initiatives (SRIs)*.

34. Anggaran *cukai pendapatan petroleum* bagi tahun 2012 pula dijangka meningkat sebanyak 1% kepada RM26,182 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM25,993 juta. Anggaran hasil bagi tahun 2012 yang lebih tinggi adalah disebabkan jangkakan peningkatan purata harga minyak mentah (Tapis) daripada USD108.00 setong pada tahun 2011 kepada USD110.00 setong pada tahun 2012. Anggaran ini juga selepas mengambilkira jumlah bayaran ansuran yang akan diterima dalam tahun 2012 bagi cukai pendapatan tahun taksiran 2010 berdasarkan kaedah tahun sebelumnya yang dibenarkan bayaran ansuran selama 60 bulan.

#### Lain-lain Cukai Langsung

35. Hasil daripada duti setem dijangka menyumbang sebanyak RM4,832 juta pada tahun 2012. Jumlah ini adalah 4% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2011 yang berjumlah RM4,637 juta. Ini adalah berdasarkan jangkakan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.0% - 6.0% dalam tahun 2012.

#### Cukai Tidak Langsung

36. Anggaran hasil *cukai tidak langsung* bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 7**. Cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM33,519 juta, iaitu 25% daripada jumlah hasil cukai atau 18% daripada jumlah hasil keseluruhan.

## Jadual 7

### Hasil Cukai Tidak Langsung

Klasifikasi Hasil	2011 Anggaran Disemak	2012 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	2,038	2,114	76	4
Duti Import	1,976	1,985	9	0
Duti Eksais	11,783	11,881	98	1
Cukai Jualan	8,605	8,965	360	4
Cukai Perkhidmatan	4,968	5,385	417	8
Levi	803	530	(273)	(34)
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	2,552	2,659	107	4
<b>CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>32,725</b>	<b>33,519</b>	<b>794</b>	<b>2</b>

#### Duti Eksport

37. Hasil daripada *duti eksport* ke atas komoditi dijangka sebanyak RM2,114 juta, iaitu 4% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2011 yang berjumlah RM2,038 juta. Hasil daripada duti eksport ke atas *minyak mentah* dijangka meningkat 4% kepada RM2,049 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM1,975 juta. Jangkaan ini berdasarkan anggaran purata harga minyak mentah (Tapis) yang lebih tinggi dalam tahun 2012 iaitu USD110.00 setong berbanding USD108.00 setong pada tahun 2011.

#### Duti Import dan Duti Eksais

38. Hasil daripada *duti import* dalam tahun 2012 dijangka meningkat kepada RM1,985 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM1,976 juta ekoran jangkaan permintaan yang kukuh ke atas kenderaan import. Hasil daripada duti eksais bagi tahun 2012 pula dijangka meningkat 1% kepada RM11,881 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM11,783 juta. Jangkaan kenaikan kutipan duti eksais ini berikutan peningkatan permintaan ke atas rokok, minuman keras dan kenderaan bermotor.

39. Kutipan duti import bagi *kenderaan CKD dan CBU* dijangka meningkat kepada RM653 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM650 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh jangkaan peningkatan permintaan ke atas kenderaan CKD dan CBU dari negara-negara luar ASEAN seperti United Kingdom, Jerman, Jepun dan Korea Selatan. Di samping itu, duti eksais ke atas kenderaan bermotor pula dijangka meningkat 1% kepada RM4,047 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM4,010 juta. Permintaan ke atas kenderaan buatan tempatan juga dijangka meningkat dalam tahun 2012.

40. Hasil daripada duti import ke atas *minuman keras dan malt* dijangka tidak berubah berbanding anggaran disemak 2011 yang berjumlah RM67 juta. Sebaliknya hasil daripada duti eksais ke atas *minuman keras dan malt* bagi tahun 2012 dianggarkan 1% lebih tinggi iaitu berjumlah RM1,302 juta berbanding dengan anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM1,291 juta. Hasil daripada duti import ke atas *tembakau, cerut dan rokok* juga dijangka tidak berubah berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM28 juta. Anggaran duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka mencapai RM3,157 juta, iaitu 1% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM3,128 juta.

## Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

41. Hasil daripada *cukai jualan* dijangka meningkat kepada RM8,965 juta, iaitu 4% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM8,605 juta. Peningkatan ini adalah berdasarkan andaian peningkatan permintaan ke atas kenderaan bermotor dalam tahun 2012.

42. Hasil daripada *cukai perkhidmatan* dijangka meningkat sebanyak 8% kepada RM5,385 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM4,968 juta. Peningkatan ini adalah selaras dengan unjuran pertumbuhan ekonomi pada kadar 5.0% - 6.0% dalam tahun 2012.

## Levi

43. Kutipan levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit dijangka menurun sebanyak 42% kepada RM375 juta bagi tahun 2012. Ini berdasarkan andaian penurunan purata harga CPO kepada RM3,000 se tan pada tahun 2012 berbanding RM3,200 se tan pada tahun 2011. Levi kenderaan barang dijangka menyumbang sebanyak RM155 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM152 juta.

## Lain-lain Cukai Tidak Langsung

44. Hasil daripada *lain-lain cukai tidak langsung* pada tahun 2012 dijangka berjumlah RM2,659 juta, iaitu 4% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2011 yang berjumlah RM2,552 juta.

## Hasil Bukan Cukai

45. Anggaran bagi *hasil bukan cukai* bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 8**. *Hasil bukan cukai* dijangka menyumbang sebanyak RM50,227 juta atau 27% daripada jumlah hasil keseluruhan. Jumlah ini adalah 5% lebih rendah daripada anggaran disemak tahun 2011 sebanyak RM53,141 juta.

**Jadual 8**

### Hasil Bukan Cukai

Klasifikasi Hasil	2011	2012	Perubahan	Peratus Perubahan
	Anggaran Disemak	Anggaran Belanjawan		
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	11,137	11,701	564	5
Bayaran Perkhidmatan	1,182	1,231	49	4
Perolehan dari Jualan Barang	112	413	301	269
Sewaan	208	210	2	1
Faedah & Perolehan Pelaburan	37,832	33,980	(3,852)	(10)
Denda dan Penalti	1,369	1,380	11	1
Lain-lain	1,301	1,312	11	1
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>53,141</b>	<b>50,227</b>	<b>(2,914)</b>	<b>(5)</b>

46. Anggaran hasil bagi tahun 2012 untuk *lesen dan permit* adalah dijangka sebanyak RM11,701 juta, iaitu 5% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 sebanyak RM11,137 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh jangkaan royalti petroleum yang lebih tinggi dalam tahun 2012 berikutan anggaran purata harga minyak mentah (Tapis) yang lebih tinggi pada tahun 2012 iaitu USD110.00 setong berbanding USD108.00 setong pada tahun 2011. Anggaran hasil 2012 bagi *perolehan dari jualan barang* dijangka sebanyak RM413 juta iaitu 269% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2011 yang berjumlah RM112 juta. Peningkatan anggaran hasil ini disebabkan perolehan daripada

jualan aset sebanyak RM300 juta. Manakala anggaran hasil 2012 bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* dijangka sebanyak RM33,980 juta, iaitu 10% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM37,832 juta. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan dividen daripada PETRONAS kepada RM28,000 juta dan tiada pensukuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Walau bagaimanapun, dividen daripada Khazanah Nasional Berhad dijangka meningkat kepada RM2,800 juta manakala dividen daripada Bank Negara Malaysia dijangka kekal sebanyak RM2,000 juta pada tahun 2012.

#### **Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan**

47. Bagi tahun 2012, jumlah *terimaan bukan hasil* dianggarkan sebanyak RM554 juta, iaitu meningkat 1% berbanding anggaran disemak bagi tahun 2011 berjumlah RM550 juta. *Hasil daripada Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM507 juta, iaitu peningkatan sebanyak 1% daripada anggaran disemak bagi tahun 2011 yang berjumlah RM502 juta.

Perbendaharaan Persekutuan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Oktober 2011

LAMPIRAN A1

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2011 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN  
BELANJAWAN TAHUN 2011  
(Selepas perubahan cukai)

	2011 Anggaran Asal		2011 Anggaran Disemak		Perubahan  (RM Juta)	Peratus Perubahan  (%)
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
<b>1 HASIL CUKAI</b>	<b>115,598</b>	<b>70</b>	<b>129,182</b>	<b>71</b>	<b>13,584</b>	<b>12</b>
<b>    CUKAI LANGSUNG</b>	<b>83,549</b>	<b>51</b>	<b>96,457</b>	<b>53</b>	<b>12,908</b>	<b>15</b>
1.1 CUKAI PENDAPATAN	79,381	48	91,374	50	11,993	15
Cukai Pendapatan Individu	19,530	12	19,696	11	166	1
Cukai Pendapatan Syarikat	36,210	22	43,970	24	7,760	21
Cukai Pendapatan Petroleum	21,786	13	25,993	14	4,207	19
Cukai Pegangan	1,385	1	1,403	1	18	1
Cukai Pendapatan Koperasi	454	0	290	0	(164)	(36)
Lain-Lain	16	0	22	0	6	38
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	4,168	3	5,083	3	915	22
Duti Setem	4,087	2	4,637	3	550	13
Lain-Lain	81	0	446	0	365	451
<b>    CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>32,049</b>	<b>19</b>	<b>32,725</b>	<b>18</b>	<b>676</b>	<b>2</b>
1.3 DUTI EKSPORT	2,195	1	2,038	1	(157)	(7)
Minyak Mentah	2,136	1	1,975	1	(161)	(8)
Kelapa Sawit	46	0	55	0	9	20
Lain-lain	13	0	8	0	(5)	(38)
1.4 DUTI IMPORT	1,916	1	1,976	1	60	3
Minuman Keras dan Malt	67	0	67	0	0	0
Tembakau, Rokok & Cerut	48	0	28	0	(20)	(42)
Kenderaan CKD dan CBU	550	0	650	0	100	18
Lain-lain	1,251	1	1,231	1	(20)	(2)
1.5 DUTI EKSAIS	12,014	7	11,783	6	(231)	(2)
Minuman Keras dan Malt	1,273	1	1,291	1	18	1
Tembakau, Rokok & Cerut	2,967	2	3,128	2	161	5
Kenderaan Bermotor	5,232	3	4,010	2	(1,222)	(23)
Lain-lain	2,542	2	3,354	2	812	32



LAMPIRAN A1 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2011 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN  
BELANJAWAN TAHUN 2011 - (Samb.)  
(Selepas perubahan cukai)

	2011 Anggaran Asal		2011 Anggaran Disemak		Perubahan  (RM Juta)	Peratus Perubahan  (%)
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
1.6 CUKAI JUALAN	8,388	5	8,605	5	217	3
1.7 CUKAI PERKHIDMATAN	4,884	3	4,968	3	84	2
1.8 LEVI	148	0	803	0	655	443
Buah Kelapa Sawit	0	0	651	0	651	100
Kenderaan Barang	148	0	152	0	4	3
1.9 LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,504	2	2,552	1	48	2
<b>2 HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>49,338</b>	<b>30</b>	<b>53,141</b>	<b>29</b>	<b>3,803</b>	<b>8</b>
2.1 LESEN DAN PERMIT	10,012	6	11,137	6	1,125	11
Royalti petroleum	4,411	3	5,148	3	737	17
Lesen Kenderaan Bermotor	2,053	1	2,101	1	48	2
Lain-lain	3,548	2	3,888	2	340	10
2.2 BAYARAN PERKHIDMATAN	1,245	1	1,182	1	(63)	(5)
2.3 PEROLEHAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	2,504	2	112	0	(2,392)	(96)
2.4 SEWAAN	201	0	208	0	7	3
2.5 FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN	33,174	20	37,832	21	4,658	14
Dividen PETRONAS	30,000	18	30,000	16	0	0
Dividen Khazanah Nasional	300	0	500	0	200	67
Dividen Bank Negara	2,000	1	2,000	1	0	0
Lain-lain	874	1	5,332	3	4,458	510
2.6 DENDA DAN PENALTI	920	1	1,369	1	449	49
2.7 LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,282	1	1,301	1	19	1
<b>3 TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>555</b>	<b>0</b>	<b>550</b>	<b>0</b>	<b>(5)</b>	<b>(1)</b>
<b>4 HASIL DARIPADA WILAYAH     PERSEKUTUAN</b>	<b>431</b>	<b>0</b>	<b>502</b>	<b>0</b>	<b>71</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>165,922</b>	<b>100</b>	<b>183,375</b>	<b>100</b>	<b>17,453</b>	<b>11</b>

LAMPIRAN A2

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2011 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN  
SEBENAR TAHUN 2010

	2010 Penerimaan Sebenar		2011 Anggaran Disemak		Perubahan  (RM Juta)	Peratus Perubahan  (%)
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)		
<b>1 HASIL CUKAI</b>	<b>109,516</b>	<b>69</b>	<b>129,182</b>	<b>71</b>	<b>19,666</b>	<b>18</b>
<b>    CUKAI LANGSUNG</b>	<b>79,009</b>	<b>50</b>	<b>96,457</b>	<b>53</b>	<b>17,448</b>	<b>22</b>
1.1 CUKAI PENDAPATAN	74,451	47	91,374	50	16,923	23
Cukai Pendapatan Individu	17,805	11	19,696	11	1,891	11
Cukai Pendapatan Syarikat	36,266	23	43,970	24	7,704	21
Cukai Pendapatan Petroleum	18,713	12	25,993	14	7,280	39
Cukai Pegangan	1,268	1	1,403	1	135	11
Cukai Pendapatan Koperasi	378	0	290	0	(88)	(23)
Lain-Lain	21	0	22	0	1	5
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	4,558	3	5,083	3	525	12
Duti Setem	4,192	3	4,637	3	445	11
Lain-Lain	366	0	446	0	80	22
<b>    CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>30,507</b>	<b>19</b>	<b>32,725</b>	<b>18</b>	<b>2,218</b>	<b>7</b>
1.3 DUTI EKSPORT	1,810	1	2,038	1	228	13
Minyak Mentah	1,745	1	1,975	1	230	13
Kelapa Sawit	52	0	55	0	3	6
Lain-lain	13	0	8	0	(5)	(38)
1.4 DUTI IMPORT	1,966	1	1,976	1	10	1
Minuman Keras dan Malt	65	0	67	0	2	3
Tembakau, Rokok & Cerut	37	0	28	0	(9)	(24)
Kenderaan CKD dan CBU	582	0	650	0	68	12
Lain-lain	1,282	1	1,231	1	(51)	(4)
1.5 DUTI EKSAIS	11,770	7	11,783	6	13	0
Minuman Keras dan Malt	1,369	1	1,291	1	(78)	(6)
Tembakau, Rokok & Cerut	2,930	2	3,128	2	198	7
Kenderaan Bermotor	4,958	3	4,010	2	(948)	(19)
Lain-lain	2,513	2	3,354	2	841	33

LAMPIRAN A2 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2011 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN  
SEBENAR TAHUN 2010 - (Samb.)

	2010 Penerimaan Sebenar		2011 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6 CUKAI JUALAN	8,171	5	8,605	5	434	5
1.7 CUKAI PERKHIDMATAN	3,926	2	4,968	3	1,042	27
1.8 LEVI	440	0	803	0	363	83
Buah Kelapa Sawit	127	0	651	0	524	413
Elektrik	162	0	0	0	(162)	(100)
Kenderaan Barang	151	0	152	0	1	1
1.9 LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,424	2	2,552	1	128	5
<b>2 HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>48,867</b>	<b>31</b>	<b>53,141</b>	<b>29</b>	<b>4,274</b>	<b>9</b>
2.1 LESEN DAN PERMIT	10,331	6	11,137	6	806	8
Royalti petroleum	4,855	3	5,148	3	293	6
Lesen Kenderaan Bermotor	1,992	1	2,101	1	109	5
Lain-lain	3,484	2	3,888	2	404	12
2.2 BAYARAN PERKHIDMATAN	1,122	1	1,182	1	60	5
2.3 PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	92	0	112	0	20	22
2.4 SEWAAN	197	0	208	0	11	6
2.5 FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN	34,576	22	37,832	21	3,256	9
Dividen PETRONAS	30,000	19	30,000	16	0	0
Dividen Khazanah Nasional	300	0	500	0	200	67
Dividen Bank Negara	2,000	1	2,000	1	0	0
Lain-lain	2,276	1	5,332	3	3,056	134
2.6 DENDA DAN PENALTI	1,100	1	1,369	1	269	24
2.7 LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,449	1	1,301	1	(148)	(10)
<b>3 TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>793</b>	<b>0</b>	<b>550</b>	<b>0</b>	<b>(243)</b>	<b>(31)</b>
<b>4 HASIL DARIPADA WILAYAH     PERSEKUTUAN</b>	<b>477</b>	<b>0</b>	<b>502</b>	<b>0</b>	<b>25</b>	<b>5</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>159,653</b>	<b>100</b>	<b>183,375</b>	<b>100</b>	<b>23,722</b>	<b>15</b>

LAMPIRAN A3

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2012 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN  
DISEMAK TAHUN 2011

	2011 Anggaran Disemak		2012 Anggaran		Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
<b>1 HASIL CUKAI</b>	<b>129,182</b>	<b>71</b>	<b>135,618</b>	<b>73</b>	<b>6,436</b>	<b>5</b>
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	<b>96,457</b>	<b>53</b>	<b>102,099</b>	<b>55</b>	<b>5,642</b>	<b>6</b>
1.1 CUKAI PENDAPATAN	91,374	50	96,799	52	5,425	6
Cukai Pendapatan Individu	19,696	11	21,347	11	1,651	8
Cukai Pendapatan Syarikat	43,970	24	47,470	25	3,500	8
Cukai Pendapatan Petroleum	25,993	14	26,182	14	189	1
Cukai Pegangan	1,403	1	1,461	1	58	4
Cukai Pendapatan Koperasi	290	0	314	0	24	8
Lain-Lain	22	0	25	0	3	14
1.2 CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	5,083	3	5,300	3	217	4
Duti Setem	4,637	3	4,832	3	195	4
Lain-Lain	446	0	468	0	22	5
<b>CUKAI TIDAK LANGSUNG</b>	<b>32,725</b>	<b>18</b>	<b>33,519</b>	<b>18</b>	<b>794</b>	<b>2</b>
1.3 DUTI EKSPORT	2,038	1	2,114	1	76	4
Minyak Mentah	1,975	1	2,049	1	74	4
Kelapa Sawit	55	0	57	0	2	4
Lain-lain	8	0	8	0	0	0
1.4 DUTI IMPORT	1,976	1	1,985	1	9	0
Minuman Keras dan Malt	67	0	67	0	0	0
Tembakau, Rokok & Cerut	28	0	28	0	0	0
Kenderaan CKD dan CBU	650	0	653	0	3	0
Lain-lain	1,231	1	1,237	1	6	0
1.5 DUTI EKSAIS	11,783	6	11,881	6	98	1
Minuman Keras dan Malt	1,291	1	1,302	1	11	1
Tembakau, Rokok & Cerut	3,128	2	3,157	2	29	1
Kenderaan Bermotor	4,010	2	4,047	2	37	1
Lain-lain	3,354	2	3,375	2	21	1

LAMPIRAN A3 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2012 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN  
DISEMAK TAHUN 2011 - (Samb.)

	2011 Anggaran Disemak		2012 Anggaran		Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6 CUKAI JUALAN	8,605	5	8,965	5	360	4
1.7 CUKAI PERKHIDMATAN	4,968	3	5,385	3	417	8
1.8 LEVI	803	0	530	0	(273)	(34)
Buah Kelapa Sawit	651	0	375	0	(276)	(42)
Kenderaan Barang	152	0	155	0	3	2
1.9 LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,552	1	2,659	1	107	4
<b>2 HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>53,141</b>	<b>29</b>	<b>50,227</b>	<b>27</b>	<b>(2,914)</b>	<b>(5)</b>
2.1 LESEN DAN PERMIT	11,137	6	11,701	6	564	5
Royalti petroleum	5,148	3	5,461	3	313	6
Lesen Kenderaan Bermotor	2,101	1	2,192	1	91	4
Lain-lain	3,888	2	4,048	2	160	4
2.2 BAYARAN PERKHIDMATAN	1,182	1	1,231	1	49	4
2.3 PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	112	0	413	0	301	269
2.4 SEWAAN	208	0	210	0	2	1
2.5 FAEDAH DAN PEROLEHAN DARIPADA PELABURAN	37,832	21	33,980	18	(3,852)	(10)
Dividen PETRONAS	30,000	16	28,000	15	(2,000)	(7)
Dividen Khazanah Nasional	500	0	2,800	2	2,300	460
Dividen Bank Negara	2,000	1	2,000	1	0	0
Lain-lain	5,832	3	1,180	1	(4,652)	(80)
2.6 DENDA DAN PENALTI	1,369	1	1,380	1	11	1
2.7 LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,301	1	1,312	1	11	1
<b>3 TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>550</b>	<b>0</b>	<b>554</b>	<b>0</b>	<b>4</b>	<b>1</b>
<b>4 HASIL DARIPADA WILAYAH     PERSEKUTUAN</b>	<b>502</b>	<b>0</b>	<b>507</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>1</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>183,375</b>	<b>100</b>	<b>186,906</b>	<b>100</b>	<b>3,531</b>	<b>2</b>



***ESTIMATES OF FEDERAL  
GOVERNMENT'S REVENUE FOR  
THE YEAR 2012***

**MINISTRY OF FINANCE  
MALAYSIA**





**TREASURY MEMORANDUM ON THE FEDERAL GOVERNMENT'S  
REVENUE ESTIMATES FOR THE YEAR 2012**

1. This Memorandum explains the revenue estimates of the Federal Government for 2012 and the revised revenue for 2011. The Memorandum is prepared in accordance with Article 99 of Federal Constitution.
2. The Federal Government's total revenue for 2012 is estimated at **RM186,906** million. This has not taken into account the decrease in revenue arising from the tax measures introduced in the 2012 Budget that is estimated at **RM1,048** million. Detailed estimates of the revenue for 2012, the revised and original estimates for 2011 with that of the actual collection for 2010 are as in **Appendix A1 to A3**, respectively.

**CLASSIFICATION OF REVENUE**

3. The Federal Government's revenue is classified into 4 general categories, namely **Tax Revenue, Non-Tax Revenue, Non-Revenue Receipts** and **Revenue from Federal Territories**.
4. *Tax Revenue* is classified into Direct Tax Revenue and Indirect Tax Revenue. *Direct Tax Revenue* includes revenue from:
  - a. income tax (individual, company, petroleum, withholding and cooperative);
  - b. stamp duty;
  - c. real property gains tax; and
  - d. Labuan business activity tax.

*Indirect Tax Revenue* includes revenue from export duties, import duties, excise duties, sales tax, service tax and levies.

5. *Non-Tax Revenue* consists of:
  - a. licenses and permits (inclusive of all charges imposed on the granting of rights to individuals, corporations, businesses including petroleum royalty and other enterprises for purposes of regulation or control and motor vehicle licenses);
  - b. service fees (inclusive of receipts from services rendered by the Federal Government to the public);
  - c. proceeds from sales of goods (inclusive of receipts from the sales of physical assets owned by the Government including lands, buildings, office equipment, storage facilities and the sale of miscellaneous goods to the public);
  - d. rentals (inclusive of lands rental, buildings rental, vehicles rental and rental for machinery);
  - e. interests and proceeds on investments (inclusive of interests on loans granted by the Government, bank interests, dividends from bonds or shares and proceeds from sale of investments);
  - f. fines and penalties; and
  - g. contributions and compensations from local and abroad.
6. *Non-Revenue Receipts* include:
  - a. refunds of expenditures (inclusive of receipts from the Consolidated Fund from the previous year, refund of salaries arising from resignations and refund of training expenses);
  - b. inter-departmental credits (inclusive of transfer of funds between Ministries or Departments for services rendered between Government agencies);
  - c. refunds of overpayment or erroneous payments in the previous fiscal year;
  - d. reimbursements such as reimbursement on Government contribution under the Employees Provident Fund Scheme; and
  - e. contributions from Government departments, statutory bodies or Government owned enterprises.

7. Revenue from the Federal Territories consists of tax and non-tax revenue including receipts from licenses and permits, premiums, quit rent, sale of assets, rental, service fees and entertainment duties.

#### REVIEW OF FEDERAL GOVERNMENT'S REVENUE FOR THE YEAR 2011

8. The revised total Federal Government's revenue for 2011 is expected to increase by RM17,453 million or 11% to RM183,375 million compared to the 2011 original estimate of RM165,922 million. This is a result of increase in the estimate of tax revenue, non-tax revenue, and revenue from Federal Territories by RM13,584 million, RM3,803 million and RM71 million, respectively, and an estimated decrease in non-revenue receipts by RM5 million. The revised total revenue in 2011 is expected to increase by RM23,722 million or 15% to RM183,375 million compared to the actual revenue collected in 2010 at RM159,653 million. The increase is due to increase in tax revenue, non-tax revenue and Federal Territories revenue by RM19,666 million, RM4,274 million and RM25 million, respectively. Meanwhile, revenue collection from non-revenue receipts is expected to decrease by RM243 million. Tax revenue for 2011 is expected to contribute 71% to the total revenue whereas non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories revenue contribute 29%. The main contributors to the increase in the Federal Government's revenue in 2011 are expected from income taxes and interest and proceeds from investment which are:

- a. company income tax is expected to increase by RM7,760 million;
- b. petroleum income tax is expected to increase by RM4,207 million;
- c. securitization of Government employees' housing loans in 2009 at RM4,200 million; and
- d. dividend from Khazanah Nasional Berhad is expected to increase by RM200 million.

9. The revised estimates are influenced by the economic growth forecast and the following assumptions:

- a. Gross Domestic Production (GDP) is forecast to grow by 5.2% in 2011 compared to the original growth forecast of 5.5% announced in the 2011 Budget;
- b. forecast in the average price of crude oil (Tapis) is at USD108.00 per barrel in 2011 compared to the original estimate of USD85.00 per barrel; and
- c. appreciation of Ringgit Malaysia estimated at RM3.00 for every US dollar in 2011 compared to the original estimate of RM3.29 for every US dollar.

10. A summary of the revised estimates compared to original estimates for 2011 for tax revenue, non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories revenue are as in **Table 1**.

**Table 1**

#### Summary Of Main Components Of Revenue

Revenue Classification	2011 Original Estimate	2011 Revised Estimate	Change	Percentage of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
Tax Revenue	115,598	129,182	13,584	12
Non-Tax Revenue	49,338	53,141	3,803	8
Non-Revenue Receipts	555	550	(5)	(1)
Federal Territories Revenue	431	502	71	16
<b>TOTAL REVENUE</b>	<b>165,922</b>	<b>183,375</b>	<b>17,453</b>	<b>11</b>

## Direct Taxes

11. The revised estimate for direct tax revenue for 2011 is provided in **Table 2**. *Direct Taxes* are expected to contribute RM96,457 million, which is 75% of the tax revenue or 53% of the overall total revenue.

**Table 2**  
**Direct Tax Revenue**

Revenue Classification	2011 Original Estimate	2011 Revised Estimate	Change	Percentage of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
<b>INCOME TAXES</b>	<b>79,381</b>	<b>91,374</b>	<b>11,993</b>	<b>15</b>
Individual	19,530	19,696	166	1
Company	36,210	43,970	7,760	21
Petroleum	21,786	25,993	4,207	19
Withholding	1,385	1,403	18	1
Cooperatives	454	290	(164)	(36)
Others	16	22	6	38
<b>OTHER DIRECT TAXES</b>	<b>4,168</b>	<b>5,083</b>	<b>915</b>	<b>22</b>
Stamp Duty	4,087	4,637	550	13
Others	81	446	365	451
<b>DIRECT TAXES</b>	<b>83,549</b>	<b>96,457</b>	<b>12,908</b>	<b>15</b>

12. In 2011, the revised estimate for *income tax* is expected to be at RM91,374 million, which is 15% higher than the original estimate of RM79,381 million and 23% higher than the actual collection of RM74,451 million in 2010. Income tax is expected to contribute 71% to tax revenue of which the main components are 34% from company income tax, 20% from petroleum income tax and 15% from individual income tax.

